

MAHKAMAH AGUNG,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR.

Bil: (51)dlm.JK/MA 38 v
Vol.IV
Tarikh: 7hb. Oktober, 1993.

Semua Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Y.A. Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 6 TAHUN 1993.

PENJELASAN MENGENAI ATURAN 62(6) KAEDAH-KAEDAH
MAHKAMAH AGUNG 1980.

Adalah saya dengan hormatnya diarah oleh Y.A.A Ketua Hakim Negara untuk menjelaskan keraguan yang timbul berhubung tafsiran ke atas Aturan 62(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1980 yang berbunyi:

"(6) Suatu draf indeks bagi dokumen-dokumen yang hendak dimasukkan dalam rekod rayuan hendaklah dihantar oleh peguamcara pihak merayu kepada peguamcara bagi responden yang boleh atau (jika lebih daripada seorang) seorang dari antara mereka boleh dalam tempoh empat puluh lapan jam membantah terhadap pemasukan atau pengecualian apa-apa dokumen. Jika sekiranya pihak-pihak itu tidak dapat bersetuju perkara itu hendaklah dirujuk kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi yang mungkin menghendaki pihak-pihak itu hadir di hadapan Hakim Mahkamah tersebut. Pendaftar Mahkamah Tinggi dan juga pihak-pihak itu hendaklah berusaha mengecualikan dari rekod itu semua dokumen (lebih khusus lagi dokumen yang cuma formal sahaja) yang tak relevan dengan hal perkara rayuan itu dengan memberi perhatian khas untuk mengelakkan penduaan dokumen dan pengulangan yang tak perlu kepala-kepala dan lain-lain bahagian dokumen yang cuma formal itu. Jika semasa menyediakan rekod

itu satu pihak membantah tentang pemasukan suatu dokumen atas alasan bahawa ianya tak perlu atau tak relevan dan pihak yang satu lagi itu bagaimanapun mendesak supaya ianya dimasukkan maka rekod itu, yang siap dicetak atau ditaip hendaklah, dengan tujuan hendak melaraskan seterusnya kos dokumen dan kos yang bersampingan dengannya, menunjukkan, dalam indeks kertas-kertas, atau selainnya, hal sebenarnya yang pemasukan dokumen itu telah dibantahi dan pihak yang membantahnya."

2. Tafsiran yang sewajarnya diikuti ialah apabila Penolong Kanan Pendaftar/Timbangan Pendaftar Mahkamah Tinggi menerima Draf Indeks yang dirujuk kepadanya oleh pihak-pihak berkenaan, Penolong Kanan Pendaftar/Timbangan Pendaftar itu hendaklah cuba menyelesaikan perselisihan pendapat antara pihak-pihak dan berusaha untuk mengeluarkan daripada rekod itu semua dokumen yang tidak relevan dengan hal perkara rayuan itu.


3. Setelah segala usaha untuk menyelesaikan perselisihan pendapat antara pihak-pihak gagal, Penolong Kanan Pendaftar/Timbangan Pendaftar hendaklah meminta pihak-pihak untuk berjumpa Y.A. Hakim yang kemudiannya akan menyelesaikan perkara yang menjadi perselisihan itu.

4. Tuan/Puan adalah diarahkan mengambil langkah yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(HASHIM BIN DATU HAJI YUSOFF)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k

Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.

Y.B. Peguam Negara Malaysia.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Undang-Undang Malaysia.

Y.B. Penasihat Undang-Undang,
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya/Borneo.

Hakim,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kota Kinabalu,
SABAH.

Pustakawan,
Mahkamah Agung/Jabatan Peguam Negara,
KUALA LUMPUR.

Kanun,
Dewan Bahasa & Pustaka,
KUALA LUMPUR.